

**MANHAJ *TARBIYAH RABBANIYYAH* OLEH
SA'ID HAWWA DALAM PEMBANGUNAN
MODAL INSAN: TUMPUAN KEPADA KARYA
*AL-ASAS FI AL-TAFSIR***

Muhamad Alihanafiah Norasid¹

Mustaffa Abdullah²

Isu kebejatan akhlak seperti buang bayi, zina, dan penyalahgunaan dadah ternyata kian meruncing saban hari³. Gejala ini timbul ekoran luntarnya penerapan elemen-elemen *tarbiyah Islamiyyah* yang sebenar kepada manusia. Ini ditambah pula dengan fenomena kelunturan minda kelas pertama dalam kalangan masyarakat. Realiti ini telah diakui sendiri oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi melalui kenyataan beliau bahawasanya negara Malaysia memiliki infrastruktur kelas pertama akan tetapi bangsanya masih berpemikiran kelas ketiga⁴. Kepesatan dunia tanpa sempadan berhajat kepada suatu dinamika pentarbiahan yang bersifat universal. Bagi menyelesaikan kemelut sosial serta kemunduran mental, kerajaan telah memberi penekanan terhadap usaha membangunkan modal insan⁵. Nyatanya, gagasan pembangunan modal insan merupakan salah satu tindakan pro-aktif kerajaan dalam usaha melahirkan masyarakat madani sejajar dengan pendidikan rabbani atau dengan kata lain *tarbiyah rabbaniyyah*.

Konsep *tarbiyah rabbaniyyah* ini sangat bertambatan dengan teori yang telah dicetuskan oleh seorang tokoh